

Refleksi al-quran

Oleh **ABDULLAH BUKHARI ABDUL RAHIM AL-HAFIZ**

Pensyarah di Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa, UIAM dan Timbalan Presiden Murshid.



Tuhan tak pandai mencipta?

“SAYA rasa tak guna awak berdandan kerana rupa awak yang hodoh tetap tak akan berubah.”

“Wajah perempuan itu memang pelik. Hidungnya kemik, kulitnya hitam. Semoga anak saya tidak dilahirkan dengan wajah seperti itu.”

Itu antara ‘dialog biadab’ sesetengah manusia yang lupa Tuhan. Mereka lupa bahawa tubuh kasar manusia hanyalah sebuah ‘sangkar’ yang ditumpangi roh sementara hidup di dunia.

Apabila sampai tarikh luputnya, roh tidak lagi dibenarkan menempati tubuh itu, lalu kakulah tubuh dalam liang lahad. Wajah cantik pujaan manusia juga akan menjadi makanan sang ulat dalam tanah.

Tubuh badan hanya barang pinjaman Allah yang menjadi ujian hidup di dunia. Jangan terpesona atau mabuk dipuji kerana memiliki sebuah barang pinjaman.

Jika Allah mahu, wajah itu boleh berubah sifat menjadi hodoh ditimpa bencana. Lagak manusia

KEPELBAGAIAN rupa dan fizikal manusia adalah bukti kehebatan Allah yang perlu dihayati. - GAMBAR HIASAN

sebegini seumpama seseorang yang tidak sedar diri

menggayakan sebuah kereta atau pakaian pinjam. Apabila tuan asalnya mahu, bila-bila masa sahaja dia boleh diambil semula.

Jangan diejek sosok tubuh orang lain kerana cemuhan itu sebenarnya suatu ejekan kepada ciptaan Allah. Lebih tepat, ia adalah celaan kepada Sang Pencipta. Sanggup anda mencela atau menyakiti Allah? Sanggup berhadapan amaran ini?

Firman Allah ertinya: *“Sesungguhnya orang yang menyakiti (melakukan perkara yang tidak diredai) Allah dan Rasul-Nya, Allah melaknat mereka di dunia dan*

akhirat serta menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghina,” (al-Ahzab: 57)

Sebaliknya kita perlu sedar kepelbagaian rupa, bangsa dan fizikal manusia adalah bukti kehebatan Allah, sebagaimana firman-Nya bermaksud:

“Dan antara tanda membuktikan kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, serta perbezaan bahasa dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan bagi orang yang berpengetahuan.” (al-Rum: 22)

Selain itu, perlu ditanam kemas dalam minda bahawa rupa paras manusia seperti sebuah kanvas yang dihasilkan Allah dengan hikmah tertentu. Jika kita ejek rupa seseorang bererti kita mengejek Pelukis atau Penciptanya:

Firman Allah ertinya: *“Dialah (Allah), Yang Mencipta sekalian makhluk; Yang Mengadakan (daripada tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa (mahluk menurut*

SECANTIK mana paras rupa seseorang, tetap menjadi makanan si ulat dalam kubur. - GAMBAR HIASAN



kehendak-Nya); hanya milik-Nya semua nama yang terbaik dan termulia; bertasbih kepada-Nya segala yang ada di langit dan bumi; dan Dialah Yang tiada banding-Nya, lagi Maha Bijaksana.” (al-Hasyr: 24).

Perkara sama diulang Allah dalam ayat lain maksudnya: *“Dia menciptakan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak serta berhikmat, dan Dia menentukan bentuk rupa kamu serta memperelokkan rupa kamu; dan kepada-Nyalah tempat kembali,”* (al-Taghabun: 3).

RUPA CANTIK, JIWA HODOH

Apa guna memiliki rupa cantik pujaan manusia jika isi jiwanya hodoh dan busuk bak bangkai. Paras rupa yang tidak menawan akan terserlah cantik jika pemiliknya punyai jiwa bersih dan mulia.

Layanlah semua manusia selayaknya tanpa mengira rupa paras atau darjat. Rasulullah adalah ikutan terbaik dalam isu ini. Ketika orang ramai memandang remeh seorang sahabat miskin tidak berupa yang bernama Julaybib r.a., baginda memuliakannya dengan penuh hormat.

Julaybib memang tidak dikenali atau tidak dipedulikan sesiapa lantaran kemiskinan dan rupanya yang tidak enak dipandang mata. Hadirnya tidak disedari dan perginya tidak dicari.

Dalam satu peperangan, ketika orang ramai gawat mencari tentera yang hilang, tiada siapa pun ingatkan Julaybib. Pun begitu, Rasulullah tercari-cari di manakah gerangannya. Akhirnya

PEDOMAN

- Jasad atau segala kecantikan fizikal adalah pinjaman Allah yang boleh ditarik bila-bila masa.
- Mencemuh rupa paras orang lain seumpama memperlekeh Tuhan kerana Dia yang menciptakan.
- Azab pedih dijanjikan kepada orang yang mencemuh ciptaan Allah.
- Kepelbagaian rupa, bangsa dan fizikal manusia adalah bukti kehebatan Allah yang perlu disyukuri.
- Tiada guna rupa paras cantik tetapi jiwa kotor.

beliau ditemui gugur syahid bersama tujuh musuh. Beliau bertempur dengan berani sehingga menumbangkan tujuh musuh itu seorang diri. Melihat keadaannya Rasulullah menampung tubuh Julaybib lalu bersabda:

Ertinya: *“Dia ini (Julaybib) sebahagian daripadaku dan aku juga sebahagian daripadanya (Nabi mengulanginya berkali-kali).”* Nabi berterusan memangkunya sehingga beliau dikebumikan tanpa dimandikan (kerana mati syahid). - Sahih Muslim dan Musnad Ahmad

Berhati-hatilah wahai manusia cantik dan tampan dalam bicara anda. Boleh jadi insan yang anda pandang lekeh itu memiliki kemuliaan luar biasa di sisi Allah sebagaimana sabda Rasulullah ini:

Ertinya: *“(Berhati-hatilah dalam menilai seseorang kerana boleh jadi) seseorang yang kelihatan kusut masai, dihalau dari pintu rumah manusia (kerana kekurangan fizikalnya) itu sangat istimewa darjatnya di sisi Allah, yang mana jika dia berdoa kepada Allah akan segera dimakbulkan,”* - Sahih Muslim

Hidup ibarat roda yang sentiasa berputar. Hari ini anda mungkin mencemuh atau memperlekeh orang lain yang kurang fizikal, pangkat atau hartanya, namun anda tidak tahu Allah mungkin menguji anda dengan ujian sama suatu hari nanti.

Oleh itu bersyukurlah dengan nikmat kecantikan kurniaan Allah kerana anda tidak akan bertambah cantik setelah mengejek orang lain, sebaliknya kecantikan zahir anda akan terpalit lumpur dengan akhlak buruk.